

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA
BIL. 1/2017

"Tatacara Memproses Permohonan Mencatitkan 'Malacca Customary Land' Dalam Hakmilik Menurut Seksyen 109A dan Memproses Permohonan Serahan dan Bermilik Semula Untuk Didaftarkan di bawah Daftar MCL Menurut Seksyen 109B dan 109C Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963"

Arahan ini adalah dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir Tanah mengenai pindaan kepada 'Tatacara Memproses Permohonan Mencatitkan 'Malacca Customary Land' Dalam Hakmilik Menurut Seksyen 109A dan Memproses Permohonan Serahan dan Bermilik Semula Untuk Didaftarkan di bawah Daftar MCL Menurut Seksyen 109B dan 109C Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963' (selepas ini dirujuk sebagai 'Tatacara tersebut') yang menggariskan tatacara bagi memproses permohonan di bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta 518") bagi membolehkan hakmilik bagi tanah-tanah milik dicatit sebagai 'Malacca Customary Land' dalam dokumen hakmilik dan kemudian didaftarkan di bawah Daftar MCL.

1. Pindaan kepada Tatacara tersebut dibuat ekoran daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 21A/30/2017 yang bersidang pada 20 September 2017 dan disahkan pada 4 Oktober 2017 dimana Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan penganan kadar bayaran **premium** nominal sebanyak **RM1,000.00** bagi permohonan penukaran status tanah daripada Pajakan kepada MCL melalui permohonan mencatitkan 'Malacca Customary Land' dalam hakmilik di bawah Seksyen 109A dan serahan dan bermilik semula untuk didaftarkan di bawah Daftar MCL di bawah Seksyen 109B dan 109C Akta 518.


2. Pentadbir Tanah dimaklumkan bahawa kadar nominal bagi bayaran premium bagi permohonan di bawah Seksyen 109A, 109B dan 109C Akta 518 hanya akan terpakai bagi permohonan yang melibatkan tanah-tanah di bawah kategori untuk kegunaan **KEDIAMAN** sahaja. Manakala bagi kadar bayaran premium bagi permohonan di bawah Seksyen 109A, 109B dan 109C Akta 518 yang melibatkan tanah-tanah di bawah kategori kegunaan yang lain dikekalkan berdasarkan kadar premium semasa yang tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966, keputusan-keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Arahan PTG Bil. 1/1989 dan Arahan PTG Bil. 1/1996.
3. Pentadbir Tanah juga dimaklumkan bahawa kadar nominal bagi bayaran premium sebanyak RM1,000.00 tersebut adalah **tidak termasuk** lain-lain bayaran dan fi yang berkaitan dengan permohonan.
4. Pihak Berkuasa Negeri juga membenarkan dan mewakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk membatalkan kelulusan serahan dan bermilik semula tanah yang telah dicatitkan sebagai MCL jika bayaran premium tidak dijelaskan dengan sepenuhnya dalam tempoh masa tiga (3) bulan, atau tempoh lanjutan tidak melebihi tiga (3) bulan jika pemilik diberikan lanjutan tempoh pembayaran, dari tarikh notis yang diberikan oleh Pentadbir Tanah.
5. Pentadbir Tanah dibenarkan dan diwakilkan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan mana-mana kelulusan permohonan catitan sebagai tanah MCL di bawah Seksyen 109A Akta 518 jika pemilik tidak meneruskan dengan permohonan serahan dan bermilik semula di bawah Seksyen 109B dan 109C Akta 518 dalam tempoh satu (1) tahun selepas tarikh kelulusan permohonan catitan sebagai tanah MCL tersebut.
6. Keputusan MMKN berkenaan pengenaan kadar nominal sebanyak RM1,000.00 ini hanya terpakai dan berkuat kuasa bagi permohonan-permohonan di bawah Seksyen 109B dan 109C Akta 518 yang belum ditetapkan bayaran premium dan bagi permohonan-permohonan baru selepas tarikh kelulusan MMKN.

7. Keputusan MMKN melalui Risalat MMKN 2A/1/97 bagi pengenaan kadar nominal sebanyak RM100.00 bagi setiap lot tanah baru diberimilik kepada pemilik pertama yang memohon tanah Kerajaan di mana tanah baru diberimilik tersebut dikenakan syarat am kelulusan supaya menukarkan tanah baru diberimilik tersebut kepada tanah MCL adalah dikekalkan.

Dengan berkuatkuasanya keputusan baru ini yang bertujuan untuk menggalakkan permohonan pertukaran tanah pajakan kepada tanah MCL sekaligus meningkatkan peratusan pemilikan tanah MCL di negeri Melaka, Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam melaksanakan arahan ini.

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(ZAID BIN JOHARI)
Pengarah Tanah dan Galian
Pejabat Tanah dan Galian,
Melaka.

Tarikh : 20 November 2017
Rujukan : PTGM.UP.100/6/11

s.k. Setiausaha Sulit kepada Y.A.B Ketua Menteri Melaka
YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
YB. Pegawai Kewangan Negeri Melaka
YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka